

1978

KUALA LUMPUR, 28 JAN (BERNAMA) — KERAJAAN PERSEKUTUAN TELAH BERSETUJU MEMBERI BANTUAN PELANCARAN DAN PEMBERIAN TAHUNAN KEPADA PENGUASA-PENGUASA TEMPATAN BAGI MEMPERBAIKI LAGI PERKHIDMATAN MEREKA. TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENYATAKAN DEMIKIAN HARI INI SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS KEWANGAN NEGARA DI BANGUNAN PARLIMEN DI SINI.

BELIAU JUGA MENGUMUMKAN BAHAWA CUKAI PELAJARAN AKAN DIMAPUSKAN BERKUATKUASA MULAI 1 JANUARI TAHUN INI BERTUJUAN MENGURANGKAN BEBAN KEPADA PENGUASA-PENGUASA TEMPATAN.

PERBENDAHARAAN TELAH BERSETUJU BAHAWA TUNGGAKAN BAYARAN OLEH PENGUASA-PENGUASA TEMPATAN JUGA AKAN DIBATALKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN PERSEKUTUAN JUGA TELAH BERSETUJU MEMBERI PINJAMAN TANPA FAEDAH KEPADA KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI BAGI MENANGGUNG KOS MELAKSANAKAN SEKIM GAJI BARU. — BERSAMBUNG 1554/YF

EE

B543

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR 金'金'金'

KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI JUGA AKAN MENERIMA LIMA PERATUS DARI-PADA KOS PROJEK-PROJEK KERAJAAN PERSEKUTUAN YANG DIKENDALIKAN OLEH KERAJAAN NEGERI KERANA KHIDMATNYA DALAM MENYELIA PROJEK-PROJEK ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA NEGERI-NEGERI PENGELUAR BIJAH TIMAH JUGA AKAN MEMPEROLEHI HASIL YANG LEBIH TAHUN INI.

KERAJAAN PERSEKUTUAN TELAH BERSETUJU MEMBERI NEGERI-NEGERI ITU 10 PERATUS DARIPADA CUKAI EKSPORT DAN CUKAI TOKOK KE ATAS HASIL BIJAH TIMAH YANG DISATUAN, MENGAKIBATKAN TAMBAHAN HASIL BERJUMLAH \$14 JUTA, TAMBAHNYA.

NEGERI-NEGERI PENGELUAR BIJAH TIMAH ITU YANG TELAH MENDAPAT 10 PERATUS DARIPADA CUKAI EKSPORT BIJAH TIMAH TELAH MENUNTUT SEBANYAK 20 PERATUS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA \$10 JUTA TELAH DIUNTUKKAN TAHUN INI BAGI MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK UGAMA DI NEGERI-NEGERI TERSEBUT.

WANG ITU AKAN DITADBIR OLEH JABATAN PERDANA MENTERI DAN KEUTAMAAN DIBERI KEPADA PROJEK YANG TELAH PUN DIJANJIKAN OLEH ALLAHYARHAM TUN ABDUL RAZAK. — BERSAMBUNG 1500/YF

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR 金'金'金'

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN PERSEKUTUAN TELAH JUGA BERSETUJU MENANGGUNG DUA PERTIGA DARIPADA KOS SEMUA PROJEK BEKALAN LETRIK LUAR BANDAR DENGAN SEPERTIGA LAGI ITU DIBIYAI OLEH LLN.

SEBELUM INI KERAJAAN PERSEKUTUAN, LLN DAN KERAJAAN NEGERI MASING-MASING MENANGGUNG SATU PERTIGA DARIPADA KOS TERSEBUT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA LANGKAH KEMENTERIAN PELAJARAN MENGAMBIL ALIH SEMUA GURU UGAMA DI SEKOLAH RENDAH TELAH SELESAI DIBUAT.

MEREKA SEKARANG DIANGGAP SEBAGAI KAKITANGAN AWAM.

KATANYA, MASIH ADA BEBERAPA MASALAH PENTADBIRAN YANG PERLU DIBERESKAN SEBELUM KERAJAAN PERSEKUTUAN MENGAMBIL ALIH SEMUA PERKHIDMATAN BOMBA DARIPADA PENGUASA TEMPATAN. — BERSAMBUNG 1503/YF

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR 金'金'金'

DR. MAHATHIR MENAMBAH, KERJAAN TELAH BERSETUJU MEMBERI BANTUAN +ROAD GRANT+ UNTUK JALAN-JALAN RUMAH MURAH MENGIKUT KADAR BARU.

BANTUAN KEPADA PENGUASA-PENGUASA TEMPATAN AKAN JUGA DIBERI JIKA MEREKA MELAKSANAKAN PENYUSUNAN SEMULA YANG SEDJANG BERJALAN SEKARANG.

KATANYA, KERAJAAN JUGA BERSETUJU MENYEDIAKAN WANG PUSINGAN UNTUK MEMBIYAI PROJEK-PROJEK RUMAH AWAM KOS RENDAH. — BERNAMA 1504/YF